

Bimbang krisis AS - Iran cetus perang nuklear

Oleh YULPISMAN ASLI

KUALA LUMPUR 22 Jun - Forum Perdana Keamanan Global yang berakhir hari ini melahirkan kebimbangan kemungkinan berlaku perang nuklear yang boleh memberikan ancaman kepada dunia.

Kebimbangan itu merujuk kepada Iran yang kini menjadi sasaran terbaru Amerika Syarikat dalam misi memerangi keganasannya di peringkat global.

Menurut Pengerusi Forum, **Tun Dr. Mahathir Mohamad**, kemungkinan Iran menjadi mangsa terbaru Amerika Syarikat sehingga mencetuskan perang nuklear tetap ada.

Beliau berkata, walaupun ada pihak yang berpendapat peperangan itu tidak mungkin berlaku, ia tidak boleh diketepikan melihat kepada agenda dan gerakan yang telah diambil oleh kuasa besar tersebut.

"Ia kemungkinan akan berlaku di mana senjata nuklear akan digunakan sehingga boleh mendatangkan kemusnahan besar kepada dunia termasuk Malaysia," katanya pada sidang media

Kemungkinan Iran menjadi mangsa terbaru Amerika Syarikat sehingga mencetuskan perang nuklear tetap ada

di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Forum anjuran Pertubuhan Keamanan Global Perdana (GPO) 2006 bertemakan Hentikan Perang Dunia Keempat (Stop WW4).

Menurut Dr. Mahathir, sekiranya perang ke atas Iran berlaku, tiada jaminan bahawa senjata nuklear tidak akan digunakan.

Ini kerana katanya, Amerika Syarikat dan konco-konconya akan menjadikan negara itu sebagai medan ujian bagi menghasilkan senjata yang lebih canggih pada masa depan.

Beliau berkata, perang ke atas Iran turut didorong oleh keinginan kuasa dunia itu hendak menguasai bekalan minyak di negara teluk terbabit.

Sehubungan itu katanya, lebih banyak usaha akan dibuat termasuk mengadakan hubungan dengan badan bukan kerajaan dan

aktivis anti-peperangan, serta menyebarkan maklumat di dalam Internet.


"Selain itu, usaha untuk memberi kesedaran di kalangan masyarakat khususnya generasi muda supaya membenci perang akan turut digerakkan," katanya.

Dr. Mahathir berkata, walaupun Amerika Syarikat sebelum ini tidak mengendahkan pandangan antarabangsa ketika krisis Iraq, tetapi masyarakat dunia tidak boleh berdiam diri, sebaliknya perlu mengambil inisiatif untuk mengelak kemungkinan berlaku peperangan tersebut.

Ini kerana katanya, perang nuklear boleh memberikan kemusnahan lebih besar berbanding Hiroshima dan Nagasaki, selain kesan jangka panjang.

Pandangan beliau disokong oleh barisan panel forum iaitu Profesor Ekonomi University of Ottawa, **Profesor Michel Chossu-**

DR. MAHATHIR MOHAMAD
Bekas Perdana Menteri



DR. MAHATHIR



HANS VON SPONECK



MICHEL CHOSSUDOVSKY

dovsky dan bekas Penolong Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), **Hans Von Sponeck**.

Chossudovsky berkata, Amerika Syarikat sebenarnya telah pun menggerakkan anggota tenteranya bagi membolehkan negara tersebut mengambil tindakan memerangi Iran apabila diperlukan.

Beliau berkata, gerakan itu dilihat turut melibatkan beberapa negara sekutunya seperti Israel dan Turki yang sebelum ini menjadi pangkalan ketika Perang Teluk menentang Iraq.

"Ini dapat dilihat dengan kelengkapan ketenteraan yang disediakan di negara terbabit termasuk membabitkan senjata nuklear," katanya.

Sementara Von Sponeck berkata, usaha perlu digiatkan bagi mengelak peperangan tersebut yang kemungkinan tidak melibatkan penaklukan nyata Amerika Syarikat

Begitupun, beliau berpendapat, negara kuasa dunia seperti China dan Rusia tidak akan berpeluk tubuh sekiranya Amerika Syarikat bertindak menyerang Iran.